



Mengenal Warga Tua Desa di Malaysia: Profil Sosial dan Pengaturan Tempat Kediaman

Wan Ibrahim Wan Ahmad*

Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia

Zainab Ismail

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Utara Malaysia

*Corresponding author; email: wiwa@uum.edu.my

ABSTRAK

Di seluruh dunia penduduk tua bertambah dengan cepat. Di Malaysia, selaras dengan meningkatnya jumlah warga tua, proses pembandaran juga menjadi semakin sebatian dengan kehidupan penduduk desa. Perubahan struktur keluarga penduduk desa telah menyebabkan penduduk tua di kawasan desa tinggal bersendirian tanpa sokongan dan penjagaan daripada anak-anak. Tujuan makalah ini ialah untuk meneroka profil sosial dan demografi, serta pola pengaturan tempat kediaman warga tua di kawasan desa. Untuk mencapai objektif ini, 214 orang warga tua berumur 60 tahun dan lebih di kawasan desa Kelantan dipilih sebagai responden. Hasil kajian menunjukkan kebanyakan warga tua adalah kumpulan dalam masyarakat yang ketinggalan dari segi ekonomi. Kebanyakan mereka adalah bergantung kepada aktiviti pertanian tradisional sebagai teras kehidupan. Pembandaran yang berlaku di mukim berhampiran dengan pusat bandar menyediakan peluang pekerjaan baru kepada warga tua. Ramai di antara mereka mula terlibat dalam perniagaan kecil-kecilan dan buruh bergaji. Satu lagi aspek yang timbul daripada pembandaran ialah bertambahnya golongan warga tua yang hidup bersendirian. Secara keseluruhan warga tua masih menerima sokongan dan penjagaan daripada anak-anak dan mereka berpuas hati dengan sokongan yang mereka terima.

Katakunci: *pembandaran, warga tua, negara berpenduduk tua, perniagaan kecil*

Identifying Rural Elderlies in Malaysia: Social Profile and Housing Arrangements

ABSTRACT

Worldwide, the elderly populations are increasing very rapidly. In Malaysia, as the size of the elderly population grows, it is more evident that the process of urbanization has become part of the rural lives. The changing family structure of the rural folks has led to many elderly populations in rural areas to be living alone without care and support from their children. The objective of this article is to explore the social and demographic profile, and living arrangement patterns of the elderly populations in the rural areas. To achieve this objective, 214 elderly respondents of 60 years and above in rural Kelantan were selected. Results show that most of the respondents are among the economically-deprived groups in the community. Most of the respondents were dependent on traditional agriculture activities for their livelihood. Urbanization that has taken place in the mukims neighbouring the town centre provided new employment opportunities to the elderlies. Many of them are involved in small businesses and as wage-labors. In addition, more elderly populations are living on their own. On the whole, the elderly populations still receive sufficient care and support from their children and they are satisfied with the support.

Keywords: *urbanization, elderly group, ageing-populated country, small businesses*

PENDAHULUAN

Akhir-akhir ini isu mengenai warga tua menjadi satu isu yang menarik untuk dibincangkan. Sejak dekad pertengahan 1980-an hingga kini banyak kajian dan tulisan akademik mengenai warga tua telah berjaya dibincang dan diterbitkan dalam pelbagai penulisan (Jarrah et al., 2006; Ng dan Tey, 2006; Sharifah Azizah et al., 2006; Masitah dan Nazileh, 1988; Pala, 1998; 2005; Wan Ibrahim Wan Ahmad, 2003, 2006, 2007; Wan Ibrahim et al., 2008, 2009). Walaupun kajian warga tua telah meluas, dan pelbagai maklumat mengenainya telah dapat didokumentasikan, tetapi beberapa persoalan berkaitan profil sosiodemografi dan ekonomi serta pengaturan tempat kediaman mereka di kawasan yang sedang melalui proses pembandaran masih belum diteroka sepenuhnya. Untuk memenuhi kekosongan ini makalah ini cuba meneroka persoalan ini dengan tumpuan khusus kepada warga tua yang tinggal di daerah Limbongan, Pasir Putih, Kelantan.

Modernisasi dan pembandaran yang terjadi di kawasan desa dianggap sebagai gerak kuasa utama yang telah mengubah profil dan pengaturan tempat kediaman banyak ahli keluarga masa kini. Kebimbangan warga tua di kawasan desa di negara membangun ialah tentang siapa yang akan menjaga mereka apabila mereka sudah tidak berdaya untuk bekerja dan menguruskan diri sendiri kelak. Persoalan jaminan di hari tua ini bukan sahaja membimbangkan warga tua dan orang yang akan mencapai umur tua itu sendiri, tetapi ia juga menjadi isu yang sama dalam kalangan pembuat dasar di peringkat negara dan antara bangsa. Kebimbangan seperti ini timbul akibat proses modernisasi yang berlaku begitu cepat di kawasan desa kebanyakan negara membangun yang merubah struktur keluarga masyarakat desa.

Perubahan dalam struktur keluarga di kawasan desa menjadi punca kepada ahli keluarga, khususnya warga tua tidak lagi dapat bergantung kepada ahli keluarga lain untuk jaminan sosial dan ekonomi. Dalam struktur keluarga yang lama, keluarga adalah pusat pergantungan, dan setiap ahli keluarga mempunyai peranan dan dapat memberi sumbangan kepada ahli keluarga lain. Warga tua mendapat banyak manfaat daripada struktur keluarga seperti ini kerana mereka tidak mempunyai jaminan sosial dan ekonomi untuk hari tua mereka. Mereka tidak mempunyai had umur bersara daripada bekerja dan terpaksa terus bekerja sehingga mereka sudah tidak lagi berdaya untuk melakukan sebarang pekerjaan untuk mendapatkan jaminan ekonomi. Anak-anak berperanan sebagai sumber penjagaan warga tua, tetapi disebabkan pengaruh modernisasi dan pembandaran, anak-anak ini terpaksa tinggal berjauhan dan meninggalkan warga tua sendirian di kampung.

Pada hari ini semakin ramai penduduk di seluruh dunia bertempat tinggal di kawasan bandar, dan desa-desa tradisional menjadi semakin pupus. Berasaskan satu pelunjuran, Yu-ping Chen dan Heligan menyatakan kira-kira 60 peratus daripada penduduk dunia bertempat tinggal di kawasan bandar pada tahun 2020 (Inoguchi et al., 1999). Di Malaysia selepas Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilancarkan, proses pembandaran menjadi semakin rancak. Dari tahun ke tahun semakin ramai penduduk Malaysia mendiami kawasan yang digazetkan sebagai bandar. Berbanding sebelum merdeka, atau sejurus selepas mencapai kemerdekaan, kini semakin banyak kawasan yang dulunya desa telah bertukar menjadi kawasan bandar. Pembandaran ini selalunya merupakan proses yang tidak sama rata di antara kawasan dengan kawasan yang lain. Ada kawasan yang sudah terbandar, sementara ada kawasan lain pula sedang dan masih belum melalui proses pembandaran.

Tahap pembandaran digunakan untuk menunjukkan perbezaan ini, dan tahap pembandaran ialah satu konsep yang diukur dengan membandingkan peratusan penduduk yang mendiami kawasan bandar dengan peratusan penduduk yang tinggal di kawasan desa sesuatu kawasan atau negara. Melalui peratusan ini tahap pembandaran sesuatu kawasan dapat dikenalpasti. Berasaskan konsep ini tahap pembandaran di Semenanjung Malaysia sedang mengalami peningkatan. Pada tahun 1957 tahap pembandaran di Semenanjung Malaysia dicatatkan sebesar 26.6 peratus. Peratusan ini meningkat kepada 28.8 peratus (1970), kepada 37.5 peratus (1980), 44.7 peratus (1990) dan meningkat kepada 52.3 peratus pada 2000. Ini bermakna pada tahun 2000 lebih 50 peratus penduduk

Semenanjung Malaysia bertempat tinggal di kawasan bandar ataupun di kawasan yang digazetkan sebagai bandar.

Dunia sekarang termasuk Malaysia sedang berhadapan dengan fenomena pertambahan warga tua. Warga tua merupakan satu kategori penduduk yang berada di peringkat akhir dalam kitaran hidup manusia. Peringkat ini disebut peringkat tua. Akan tetapi fasa *peringkat tua* ini adalah fasa yang subjektif. Fasa ini dikatakan satu fasa yang subjektif kerana bila seharusnya seseorang dikatakan berada di peringkat ini adalah berbeza-beza di antara masyarakat dengan masyarakat yang lain, atau di antara satu masa dengan masa yang lain dalam masyarakat yang sama. Pada zaman dahulu apabila seseorang memasuki umur 40-an, orang tersebut dikatakan sudah memasuki peringkat akhir dalam kitaran hidup. Mereka ini sudah dikatakan warga tua. Di negara maju peringkat yang dikatakan peringkat tua ialah 60 atau 65 tahun. Di Malaysia fasa ini dikatakan bermula apabila seseorang memasuki umur 58 tahun, atau secara rasmi, apabila mencapai umur 60 tahun.

Walaupun jumlah penduduk yang berumur 65 tahun dan lebih di Malaysia pada hari ini masih lagi kecil jika dibandingkan dengan negara Barat (PBB, 1991), tetapi terdapat tanda-tanda penduduk Malaysia sedang menuju ke arah penuaan (Heisil, 1984). Ini adalah berikutan dengan peningkatan jumlah warga tua dalam struktur penduduk di Malaysia dari tahun ke tahun. Pada 1970 umpamanya, penduduk yang berumur 65 tahun dan lebih di Malaysia ialah seramai 316, 852 orang, dan jumlah ini meningkat menjadi 788 000 orang pada 1995. Dari segi peratus, ia meningkat daripada 3.1 peratus (1970), kepada 3.9 peratus (1995), kepada 4.2 peratus (2000) dan dijangka meningkat kepada 7.3 peratus pada 2020 (PBB, 1991). Ini bererti pada abad ke-21 nanti bilangan warga tua di Malaysia melebihi tujuh peratus (Jadual 1).

Jadual 1
Taburan dan Peratusan Penduduk Berumur 60 dan 65 Tahun dan Lebih di Malaysia (1970 – 2020)

Tahun	Penduduk 60 th. dan lebih		Penduduk 65 Th dan Lebih	
	Jumlah	Peratus	Jumlah	Peratus
1970	539 118	5.2	316 852	3.0
1975	554 818	5.5	356 631	3.5
1980	745 152	5.7	475 407	3.6
1985	706 902	5.2	464 272	3.4
1991	1 032 310	5.9	657 401	3.7
1995	1 194 000	6.0	788 000	3.9
2000	1 450 000	6.6	919 000	4.2
2005	1 705 000	7.2	1 133 000	4.8
2010	2 094 000	8.3	1 340 000	5.3
2015	2 596 000	9.7	1 665 000	6.2
2020	3 216 000	11.3	2 079 000	7.3

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (1973; 1974; 1983; 1995).
PBB (1991) – Unjuran Penduduk Dunia 1995-2020.

Kalau digunakan ukuran tujuh peratus penduduk berumur 65 tahun dan ke atas untuk meletakkan struktur penduduk suatu negara sebagai kategori negara berpenduduk tua (PBB., 1988), maka struktur penduduk Malaysia bolehlah dikategorikan sebagai berpenduduk tua pada tahun 2020 kerana pada tahun tersebut penduduk tua di Malaysia berjumlah lebih daripada tujuh peratus. Oleh itu berbanding negara maju, Malaysia adalah agak lambat mencapai status negara berpenduduk tua. Semua negara maju telahpun mencapai status berpenduduk tua sepenuhnya sejak tahun 1975, malah banyak di antara negara di negara maju telahpun mencapai status ini sejak tahun 1950-an lagi.

Satu aspek yang menonjol daripada pertambahan penduduk tua ialah, sebahagian besar daripadanya tertumpu di kawasan desa. Pada 1980 umpamanya, daripada seramai 475 407 orang warga tua di Malaysia, seramai 291 881 orang (54.7 peratus) tinggal di luar bandar berbanding 215 526 orang (45.3 peratus) yang tinggal di kawasan bandar (Jabatan Perangkaan Malaysia, 1983). Pada 1991

pula warga tua di Malaysia bertambah kepada 645 037 orang. Daripada jumlah ini, 351 995 orang (54.6 peratus) tinggal di luar bandar, berbanding 293 042 orang (45.4 peratus) di bandar (Jabatan Perangkaan Malaysia, 1995). Pada tahun 2000 pula daripada 662 930 warga tua berumur 65 tahun dan lebih, 421 683 orang atau 63.6 peratus berada di luar bandar. Angka ini menunjukkan lebih ramai warga tua bertumpu di kawasan desa berbanding di kawasan bandar.

Salah satu aspek yang sering diperkatakan akibat pertambahan warga tua di kawasan desa ialah berkaitan profil sosial dan pengaturan tempat kediaman golongan penduduk tua ini. Hal ini kerana akibat proses pembandaran maka wujud peluang pekerjaan yang boleh diceburi warga tua serta semakin ramai penduduk muda yang berhijrah ke bandar-bandar meninggalkan warga tua sendirian di kawasan desa. Warga tua desa ini boleh berhadapan dengan masalah penjagaan dan seterusnya berkaitan pula dengan pengaturan tempat kediaman mereka.

Makalah ini berusaha untuk menambahkan informasi berkaitan keadaan keluarga dan penduduk tua di kawasan desa yang sedang membangun akibat proses urbanisasi untuk membolehkan sebarang polisi yang sesuai untuk keperluan warga tua digubal untuk mengelakkan kumpulan penduduk ini terabai. Hujah makalah ini ialah, (1) warga tua di kawasan desa, biarpun sedang melalui proses pembangunan, masih tergolong ke dalam segmen yang ketinggalan dari segi ekonomi, dan (2) disebabkan kawasan kajian sedang mengalami proses pembandaran, maka struktur keluarga warga tua mengalami perubahan, dan ramai warga tua tinggal bersendirian. Sehubungan itu kertas kerja ini cuba menganalisis dua persoalan tersebut, iaitu meneliti profil sosial warga tua dan pengaturan tempat kediaman mereka di kawasan yang kini sedang mengalami proses pembandaran yang pesat di negeri Kelantan.

KAWASAN KAJIAN DAN METODOLOGI

Untuk menganalisis profil sosial dan pengaturan tempat kediaman warga tua secara lebih dekat, perbincangan dalam makalah ini adalah berasaskan data yang diambil daripada sebuah kajian yang dilakukan di kawasan pedesaan negeri Kelantan akhir 1999¹. Untuk mengenalpasti perubahan dan kesinambungan kehidupan warga tua di kawasan kajian, pemerhatian terus dilakukan antara tahun 2000-2005, dan antara 2006 - 2010. Kajian ini secara bertujuan memilih daerah Limbongan, yang terletak dalam jajahan Pasir Puteh, negeri Kelantan sebagai kawasan kajian. Untuk mencapai tujuan ini seramai 214 warga tua berumur 60 tahun dan lebih di daerah Limbongan Pasir Putih, Kelantan telah ditemuselidik.

Daerah ini sekarang sedang mengalami proses pembandaran yang pesat. Dengan keluasanya kira-kira 16.217 km² daerah ini mempunyai enam mukim, iaitu Pengkalan, Alor Pasir, Gong Chapa, Tok Adam, Wakaf Bunut dan Bandar. Daerah Limbongan dipilih kerana daerah ini mempunyai mukim-mukim yang memiliki tahap kemajuan yang berbeza-beza, dengan mukim Bandar merupakan mukim yang paling maju. Dua mukim lain yang agak maju ialah mukim Pengkalan dan mukim Wakaf Bunut. Mukim-mukim lain agak ketinggalan. Mukim Bandar dan mukim Pengkalan adalah dua mukim yang letaknya dalam kawasan bandar Pasir Puteh, sementara mukim lain letaknya di pinggir bandar ini. Mukim Bandar adalah mukim yang maju disebabkan mukim ini merupakan pusat bandar bagi daerah, dan di sinilah letaknya bandar Pasir Puteh yang menjadi bandar laluan masuk pengujung dari Terengganu, Pahang atau negeri lain ke Kelantan.

Mukim lain terletak berselerak, dengan mukim Wakaf Bunut dan mukim Pengkalan adalah dua mukim di pinggir bandar Pasir Puteh. Jadi mukim ini mempunyai tahap kemajuan sosioekonomi dan infrastruktur yang berbeza-beza. Tahap kemajuan yang berbeza mewujudkan perbezaan dalam tahap kesejahteraan penduduknya. Hampir keseluruhan penduduk daerah Limbongan ini adalah etnik Melayu. Daripada 14 164 orang penduduk di daerah ini (Jabatan Perangkaan Malaysia, 1995),

¹ Maklumat dalam bahagian ini sebahagiannya ada dibincangkan dalam Wan Ibrahim Wan Ahmad et al. (2009)

13 475 merupakan penduduk Melayu. Bakinya terdiri daripada Cina (530 orang), India (9 orang) dan Lain-lain (46 orang). Penduduk bukan Melayu sebahagian besarnya tinggal di mukim Bandar dan Pengkalan.

Responden kajian ialah warga tua Melayu berumur 60 tahun dan lebih yang tinggal di daerah Limbongan, bukan tinggal terasing di rumah orang tua. Penduduk yang berumur 60 tahun dan lebih dipilih untuk kajian ini kerana memenuhi definisi warga tua, iaitu apabila mereka berumur dalam lingkungan 60 tahun dan lebih. Pengumpulan data kajian ini menggunakan persampelan rawak mudah. Jumlah responden pula adalah berjumlah 214 orang. Jumlah tersebut merupakan 20 peratus daripada keluarga yang mempunyai warga tua di daerah Limbongan. Penentuan 20 peratus daripada keluarga yang mempunyai warga tua dibuat berasaskan jumlah sebanyak itu dianggap mewakili populasi (Rohana Yusof, 2004). Lagipun jumlah sampel yang besar tidak diperlukan untuk menyelidik populasi yang homogen sifatnya (Downie dan Starry, 1977). Daripada kajian pendahuluan didapati warga tua mempunyai ciri-ciri sosial yang lebih kurang sama. Oleh kerana Limbongan terdiri daripada enam mukim yang mempunyai jumlah warga tua yang berbeza, maka bilangan warga tua bagi setiap mukim juga ditentukan berasaskan 20 peratus daripada keluarga yang mempunyai warga tua (Jadual 2).

Jadual 2
Taburan Responden Mengikut Mukim di Daerah Limbongan

Mukim*	Keluarga	Keluarga Yang Ada Warga Tua	Responden
Pengkalan	1513	291	59
Gong Chapa	2632	160	32
Wakaf Bunut	1822	145	29
Alor Pasir	1417	125	25
Tok Adam	279	105	20
Bandar	1132	241	49
Jumlah	8795	1067	214

Sumber: Pejabat Penggawa, Pasir Puteh, 1996

* Pembahagian mukim berdasarkan Mukim Penggawa, Pasir Putih

Berdasarkan peratusan tersebut, jumlah responden yang dipilih bagi mukim Pengkalan, yang mempunyai 291 buah keluarga yang ada warga tua, ialah seramai 59 orang. Di Gong Chapa pula, yang mempunyai 160 buah keluarga yang ada warga tua, sebanyak 32 orang warga tua telah dipilih. Dengan menggunakan asas yang sama, jumlah responden bagi setiap mukim dapat ditentukan. Setelah jumlah responden dalam setiap buah mukim dikenalpasti, penulis telah mengenalpasti rumah mana yang mempunyai warga tua berumur 60 tahun dan lebih. Apa yang dilakukan di peringkat ini ialah mengenalpasti dan menyenaraikan semua rumah yang mempunyai warga tua dalam setiap buah kampung, termasuk nama semua warga tua yang terdapat di mukim itu. Maklumat tentang rumah yang mempunyai warga tua dan nama semua warga tua diperolehi melalui ketua-ketua kampung dengan kerjasama penggawa dan penghulu. Hasilnya diperolehi satu senarai nama semua warga tua yang berumur 60 tahun dan lebih yang ada dalam setiap mukim.

Berikutnya pula ialah mengenalpasti responden untuk ditemuselidik. Pengenalpastian responden ini berdasarkan senarai isi rumah yang mengandungi warga tua yang telah disiapkan. Responden dipilih menggunakan teknik persampelan rawak mudah. Nama warga tua di setiap mukim dinomborkan di atas kertas untuk tujuan cabutan. Sebagai contoh Pengkalan yang ada 291 orang warga tua, mempunyai 291 helai kertas, yang setiap satunya ditulis nama warga tua. Setiap helai kertas cabutan mewakili satu warga tua dalam setiap mukim. Daripada 291 nama dalam kertas cabutan ini, dicabut secara rawak 59 nama. Nama warga tua yang terpilih adalah mewakili responden kajian. Dengan menggunakan kaedah yang sama, responden bagi setiap mukim dapat dikenalpasti. Data dikumpulkan menggunakan soal selidik yang dibentuk dan dianalisis secara deskriptif.

PROFIL SOSIAL WARGA TUA

Untuk menggambarkan sama ada profil sosial warga tua di kawasan kajian menunjukkan ciri yang ketinggalan dari segi ekonomi, dapat ditunjukkan melalui profil sosial mereka. Profil sosial warga tua yang menjadi tumpuan perbincangan makalah ini ialah umur dan jantina, umur perkahwinan, tempoh perkahwinan, tempat asal, tahap pendidikan, status pekerjaan, serta jenis dan saiz rumah, pendapatan, pola penggunaan dan pemilikan isirumah.

Umur dan jantina

Responden kajian ini berjumlah 214 orang, merupakan warga tua berumur 60 tahun dan lebih. Purata umur bagi responden ialah 68 tahun, dengan median dan mod, masing-masing 67 dan 60 tahun serta umur tertinggi responden ialah 95 tahun. Warga tua ini dibahagikan kepada empat kategori, iaitu warga tua awal (60-64 tahun), warga tua pertengahan (65-69 tahun), warga tua benar (70-74 tahun) dan warga tua bangsa (75 tahun dan lebih). Analisis ke atas struktur umur responden menunjukkan jumlah warga tua awal merupakan jumlah yang paling tinggi, iaitu 38.8 peratus. Warga tua pertengahan pula berjumlah 20.1 peratus. Jumlah ini naik sedikit menjadi 22.0 peratus dalam kumpulan warga tua benar yang merupakan jumlah yang kedua tinggi di kawasan kajian selepas jumlah warga tua awal. Kumpulan warga tua lain semakin kecil (Jadual 3).

Dari segi jantina, 131 orang daripadanya (61.2 peratus) adalah lelaki, sementara wanita pula berjumlah 83 orang (38.8 peratus). Pada kohort umur paling tua, wanita melebihi lelaki, iaitu 9.6 peratus, berbanding 4.6 peratus lelaki. Ramainya warga tua wanita dalam masyarakat berkaitan dengan jangkaan hayat penduduk wanita yang melebihi lelaki. Penduduk wanita mempunyai umur yang lebih panjang berbanding penduduk lelaki.

Jadual 3
Taburan Responden Mengikut Umur dan Jantina

Umur	Lelaki		Wanita		Jumlah	Peratus
	Jumlah	Peratus	Jumlah	Peratus		
60 – 64	49	37.4	34	41.0	83	38.8
65 – 69	29	22.2	14	16.9	43	20.1
70 – 74	29	22.1	18	21.7	47	22.0
75 – 79	18	13.7	9	10.8	27	12.6
80 dan +	6	4.6	8	9.6	14	6.5
Jumlah	131	100.0	83	100.0	214	100.0

Umur perkahwinan

Untuk menganalisis pola umur perkahwinan di kalangan warga tua, umur tersebut telah dikategorikan kepada tiga, iaitu perkahwinan awal (19 tahun dan kurang); perkahwinan dewasa (20-24 tahun); dan, perkahwinan lewat (25 tahun dan lebih). Lebih separuh (64.0 peratus) daripada responden berkahwin pada umur 24 tahun dan kurang. Sebahagian besar mereka, (35.1 peratus) berkahwin pada umur perkahwinan awal (15-19 tahun). Perkahwinan dewasa dan perkahwinan lewat, masing-masing berjumlah 28.9 peratus dan 36.0 peratus. Berdasarkan jantina, hampir keseluruhan responden wanita (82.9 peratus) berkahwin pada umur antara 15-19 tahun (perkahwinan awal). Responden lelaki berkahwin pada umur yang agak lewat, sebahagian besarnya pada umur 25-29 tahun (56.6 peratus), iaitu termasuk perkahwinan lewat (Jadual 4).

Jadual 4
Taburan Responden Mengikut Umur Perkahwinan dan Jantina

Umur	Lelaki		Wanita		Jumlah	Peratus
	Jumlah	Peratus	Jumlah	Peratus		
15 – 19	6	4.6	68	82.9	75	35.1
20 – 24	50	38.8	11	13.4	61	28.8
25 – 29	73	56.6	3	3.7	75	35.1
Jumlah	129	100.0	83	100.0	211	100.0

Secara umum umur perkahwinan responden adalah rendah. Sebahagian besar berkahwin pada umur muda. Perkahwinan awal, sehingga ke hari ini masih menjadi amalan budaya masyarakat desa di Limbongan, dan juga di kawasan-kawasan lain di Kelantan. Ibu bapa mula mengatur perkahwinan anak perempuan secepat yang boleh apabila anak perempuan meningkat dewasa. Ibu bapa merasa bimbang jika anak dara mereka sukar mendapat jodoh, dan bagi anak perempuan itu sendiri pula, takut dikatakan anak dara tua jika belum berkahwin ketika berumur lewat 20-an. Sebab itu warga tua di Limbongan mudah melepaskan anak perempuannya jika bertemu jodoh. Memberikan jodoh kepada anak perempuan, bagi mereka, adalah satu cara untuk melepaskan tanggung jawab menjaga dan memelihara anak-anak yang dianggap membebankan bagi mereka yang miskin.

Tempoh perkahwinan

Hampir separuh warga tua (41.3 peratus) mempunyai tempoh perkahwinan di antara 40-49 tahun. Sebanyak 28.0 peratus responden telah berkahwin dalam masa yang sederhana lama, iaitu di antara 30-39 tahun. Analisis tempoh perkahwinan yang lebih terperinci mengikut jantina pula mendapati terdapat perbezaan yang agak ketara mengenai tempoh perkahwinan warga tua lelaki dengan warga tua wanita. Tempoh perkahwinan yang menjadi mod bagi warga tua lelaki ialah di antara 30-39 tahun (35.7 peratus), sementara bagi warga tua wanita pula ialah 40-49 tahun (67.7 peratus). Keadaan ini berkaitan dengan umur perkahwinan warga tua wanita. Warga tua wanita di Limbongan, pada umumnya berkahwin pada umur yang lebih muda, menjadikan tempoh perkahwinan mereka adalah panjang (Jadual 5).

Jadual 5
Taburan Responden Mengikut Tempoh Perkahwinan dan Jantina

Tempoh	Lelaki		Wanita		Jumlah	Peratus
	Jumlah	Peratus	Jumlah	Peratus		
29 dan kurang	10	8.9	3	9.7	9.0	9.0
30 – 39	40	35.7	-	-	40	28.0
40 – 49	38	33.9	21	67.7	59	41.3
50 – 59	24	21.5	7	22.6	31	21.7
Jumlah	112	100.0	31	100.0	143	100.0

Tahap pendidikan

Menganalisis tahap pendidikan responden, didapati tahap pendidikan mereka adalah agak rendah. Lebih separuh (57.5 peratus) daripada mereka melaporkan tidak pernah bersekolah. Dari segi jantina, didapati seramai 64 orang lelaki (48.9 peratus), dan 59 wanita (57.5 peratus) yang tidak pernah bersekolah. Daripada 91 orang yang bersekolah, 34.1 peratus mendapat pendidikan rendah, 2.3 peratus menengah rendah, 0.9 peratus menengah atas, 0.5 peratus maktab, dan 4.7 peratus bersekolah rakyat, sekolah dewasa dan pondok (Jadual 6).

Maklumat mengenai tahap pendidikan ini mencerminkan perkhidmatan pendidikan yang diperolehi oleh penduduk Daerah Limbongan pada masa dahulu. Analisis tahap pendidikan secara lebih

mendalam, didapati Mukim Bandar dan Pengkalan boleh dikatakan mukim yang mempunyai tahap pendidikan yang agak tinggi berbanding mukim-mukim lain. Mukim Bandar dan Pengkalan masing-masing mempunyai kira-kira 20.4 peratus dan 18.6 peratus responden yang melaporkan tidak pernah bersekolah. Jumlah ini adalah agak rendah berbanding mukim lain yang mempunyai ramai penduduk yang tidak bersekolah. Mukim Bandar dan Pengkalan juga mempunyai sejumlah responden yang mempunyai tahap pendidikan selepas pendidikan rendah, dan ada yang mencapai peringkat menengah atas serta maktab/kolej. Ada yang bekerja sebagai guru. Selain dari dua mukim ini, responden di mukim lain mempunyai tahap pendidikan setakat sekolah rendah.

Jadual 6
Taburan Responden Mengikut Tahap Pendidikan dan Jantina

Pendidikan	Lelaki		Wanita		Peratus
	Jumlah	Peratus	Jumlah	Peratus	
Tidak sekolah	64	48.9	59	71.1	57.5
Sekolah rendah	55	42.0	18	21.7	34.1
Menengah rendah	3	2.3	2	2.4	2.3
Menengah atas	2	1.5	-	-	0.9
Maktab	1	0.8	-	-	0.5
Lain-lain	6	4.6	4	4.8	4.7
Jumlah	131	100.0	83	100.0	100.0

Rendahnya tahap pendidikan di mukim lain selain Mukim Bandar dan Pengkalan berkaitan dengan kedudukan daerah-daerah itu yang terpencil. Informan yang ditemui menyatakan, pada masa warga tua sekarang mula memasuki persekolahan dahulu, mukim-mukim lain merupakan kawasan yang terpencil, belum ramai penduduk, masih berhutan dan belum mempunyai kemudahan asas, termasuk sekolah. Tidak ramai warga tua pada masa itu yang bersekolah kerana, selain daripada ketiadaan kemudahan, pada masa itu juga tidak ramai orang kampung yang mahu bersekolah menjadikan mukim ini mempunyai tahap pendidikan yang rendah.

Status pekerjaan

Daripada 214 orang responden, seramai 88 orang (41.1 peratus) melaporkan masih aktif bekerja, sementara 126 (58.9 peratus) tidak lagi bekerja. Analisis status pekerjaan berdasarkan jantina mendapati daripada 131 orang responden lelaki, 66 orang (50.4 peratus) masih aktif bekerja, dan selebihnya, iaitu 65 orang (49.6 peratus) tidak lagi bekerja. Bagi warga tua wanita pula, daripada 83 orang yang termasuk dalam kajian ini, 22 orang (26.5 peratus) adalah masih bekerja, sementara 61 orang (73.5 peratus) lagi adalah tidak bekerja. Analisis status pekerjaan berdasarkan mukim menunjukkan Mukim Bandar merupakan mukim yang mempunyai warga tua yang paling ramai bekerja, iaitu 25.0 peratus (Jadual 7).

Jadual 7
Taburan Responden Mengikut Mukim dan Status Pekerjaan

Mukim	Kerja	Peratus	Tidak kerja	Peratus
Pengkalan	21	23.9	38	30.2
Gong Chapa	9	10.2	23	18.3
Wakaf Bunut	17	19.3	12	9.5
Alor Pasir	13	14.8	12	9.5
Tok Adam	6	6.8	14	11.1
Bandar	22	25.0	27	21.4
Jumlah	88	100.0	126	100.0

Mukim lain yang mempunyai warga tua bekerja yang agak ramai ialah Mukim Pengkalan dan Wakaf Bunut, iaitu masing-masing 23.9 peratus dan 19.3 peratus. Mukim lain tidak mempunyai

penduduk bekerja yang ramai. Dari segi warga tua yang tidak bekerja pula, Pengkalan adalah paling ramai, (30.2 peratus), diikuti oleh Bandar (21.4 peratus), Gong Chapa (18.3 peratus), dan Tok Adam 11.1 peratus.

Jumlah responden yang terlibat dalam bidang pertanian melebihi jumlah yang bekerja dalam bidang lain. Daripada 88 orang responden yang melaporkan bekerja, 63.6 peratus bekerja di bidang pertanian. Bidang lain yang agak besar ialah perniagaan dan buruh, yang masing-masing berjumlah 17.0 dan 12.5 peratus. Dalam jumlah yang kecil terdapat responden yang bekerja sebagai imam, guru al-Quran, pemandu teksi dan tukang kayu. Ada juga sebahagian warga tua (58.9 peratus) yang sudah tidak lagi bekerja. Analisis ke atas sebab tidak bekerja, didapati empat sebab mengapa warga tua tidak bekerja, iaitu kerana sakit (11.9 peratus), sudah tua (51.6 peratus), bersara (20.6 peratus), dan suri rumah (15.9 peratus) (Jadual 8).

Warga tua yang bekerja sebagai petani di Limbongan, seperti petani-petani di kawasan desa yang lain, menanam padi di kawasan bendang, kacang panjang atau mentimun, ubi, jagung serta pisang di tepi rumah. Ada juga warga tua yang bertanam, menanam pokok buah-buahan seperti rambutan, manggis atau langsung. Sejak 20 tahun kebelakangan ini, warga tua jarang menanam padi, sebaliknya ramai yang terlibat dengan tanaman tembakau untuk dijual sebagai sumber pendapatan. Besarnya jumlah warga tua yang menceburi bidang pekerjaan pertanian, selain berkait rapat dengan tahap pendidikan yang rendah, ia juga berkaitan dengan peluang pekerjaan di luar pertanian. Tahap pendidikan responden yang rendah telah mempengaruhi struktur pekerjaan mereka. Mereka tidak berpeluang bekerja selain dalam bidang pertanian tradisional. Di kawasan kajian, seperti juga di kawasan desa yang lain di Kelantan, peluang pekerjaan di luar sektor pertanian adalah terbatas, bahkan boleh dikatakan tidak ada. Keadaan ini menjadikan warga tua hanya mampu bekerja sebagai petani ataupun di sektor yang berkaitan dengan pertanian sahaja.

Jadual 8
Taburan Responden Mengikut Sebab Tidak Bekerja dan Jantina

Sebab	Lelaki		Wanita		Jumlah	Peratus
	Jumlah	Peratus	Jumlah	Peratus		
Sakit	8	12.3	7	11.5	15	11.9
Tua	32	49.2	33	54.1	65	51.6
Bersara	25	38.5	1	1.6	26	20.6
S/Rumah	-	-	20	32.8	20	15.9
Jumlah	65	100.0	61	100.0	126	100.0

Pendapatan

Pendapatan warga tua adalah agak rendah, dengan purata RM298.00 sebulan. Pendapatan menjulat di antara RM2 400.00 dengan RM50.00, menjadikan julat pendapatan warga tua sebanyak RM2 350.00. Pendapatan median warga tua ialah RM210.00. Berdasarkan pendapatan median ini, seratus orang warga tua memperoleh pendapatan melebihi RM210.00 sebulan, dan seratus lagi berpendapatan kurang RM210.00. Pendapatan mod ialah RM200.00 (Jadual 9). Oleh itu dapat dikenalpasti warga tua mana yang dianggap mempunyai ciri-ciri ketinggalan dari segi ekonomi. Berdasarkan pendapatan garis kemiskinan (PGK) Semenanjung Malaysia RM425.00 sebulan bagi saiz isirumah 4.6 orang maka sebahagian besar (81.3 peratus) warga tua masih terbelenggu dengan kemiskinan dan ketinggalan dari segi ekonomi. Bagi warga tua miskin, mereka terpaksa mencari jalan mengatasi masalah dengan cara meminta wang belanja daripada anak ataupun Jabatan Kebajikan Masyarakat. Ada tiga sumber utama pendapatan, iaitu pekerjaan, sumbangan anak dan elaun bersara.

Jadual 9
Taburan Warga Tua Mengikut Jumlah Pendapatan Bulanan

Jumlah Pendapatan	Lelaki		Wanita		Jumlah	Peratus
	Jumlah	Peratus	Jumlah	Peratus		
350.00dan kurang	87	66.4	74	89.2	107	75.0
351.00 – 650.00	33	25.2	8	9.6	41	19.2
651.00-950.00	6	4.6	-	-	6	2.8
951 dan ke atas	5	3.8	1	1.2	6	2.8
Jumlah	131	100.0	83	100.0	214	100.0

Responden memperoleh sebahagian besar pendapatan daripada tiga sumber (Jadual 10). Dari segi pekerjaan dan sumbangan anak, warga tua memperoleh kira-kira 80 peratus dari pendapatan bulanan, sementara elaun bersara menyumbang 12 peratus. Pekerjaan merupakan sumber pendapatan utama. Mereka perlu terus bekerja untuk menyara kehidupan sehinggalah mereka tidak lagi terdaya bekerja.

Jadual 10
Taburan Warga Tua Mengikut Sumber Pendapatan dan Sumbangan Anak

Ciri-ciri Pendapatan	Lelaki	%	Wanita	%	Jumlah	Peratus
Sumber Pendapatan						
Pekerjaan	66	50.4	22	26.5	88	41.1
Simpanan	2	1.5	3	3.6	5	2.3
Elaun Bersara	23	17.6	3	3.6	26	12.1
Sumbangan JKM	4	3.0	3	3.6	7	3.3
Sumbangan Anak	36	27.5	51	61.4	87	40.7
Saudara Mara	-	-	1	1.3	1	0.5
Jumlah	131	100.0	83	100.0	214	100.0
Sumbangan Anak						
Sebulan Beberapa Kali	12	15.0	4	13.4	16	14.5
Sebulan Sekali	42	52.5	16	53.3	58	52.7
Dua Bulan Sekali	7	8.8	1	3.3	8	7.3
Tidak Tentu	19	23.7	9	30.0	28	25.5
Jumlah	80	100.0	30	100.0	110	100.0

Pola perbelanjaan

Pola perbelanjaan adalah satu indikator ketinggalan dari segi ekonomi sesebuah keluarga. Untuk mengenalpasti sama ada warga tua ketinggalan dari segi ekonomi ataupun tidak, boleh dilihat daripada pola perbelanjaan mereka atau keluarga mereka. Hukum Engel mengatakan semakin besar pendapatan seseorang, maka akan semakin kecil bahagian pendapatan tersebut yang digunakan untuk keperluan bahan makanan. Orang yang mewah, atau mempunyai taraf hidup yang lebih tinggi, selalunya menggunakan sedikit sahaja pendapatannya untuk bahan makanan, sebahagian besarnya digunakan untuk barangan bukan makanan (barang mewah). Apabila jumlah perbelanjaan bahan makanan berkurang, diandaikan warga tua adalah ketinggalan dari segi ekonomi.

Jadi berdasarkan kepada besarnya jumlah pendapatan yang digunakan untuk keperluan bahan makanan, maka dianggarkan ramai warga tua ketinggalan dari segi ekonomi. Sebanyak 52.8 peratus warga tua yang menggunakan keseluruhan pendapatan mereka untuk keperluan bahan makanan. Warga tua yang menggunakan lebih separuh pendapatan berjumlah 22.9 peratus, dan 13.9 peratus pula menggunakan kira-kira separuh daripada pendapatan untuk bahan makanan. Hanya 10.7 peratus sahaja warga tua yang dikaji menggunakan kurang separuh pendapatan mereka untuk keperluan bahan makanan (Jadual 11).

Jadual 11
Taburan Warga Tua Mengikut Jumlah Pendapatan Dibelanjakan

Jumlah Pendapatan Dibelanjakan	Peratus
Keseluruhan	52.8
Lebih Separuh	22.9
Kira-kira Separuh	13.6
Kurang Separuh	10.7
Jumlah	100.0

Hasil analisis ini tidak jauh berbeza daripada penemuan Burgess dan Laidin (Asmah, 1983) yang mengkaji tahap hidup tiga kumpulan berpendapatan rendah di Semenanjung Malaysia, iaitu pekebun kecil, nelayan Melayu serta buruh estet India. Mereka mendapati pekebun kecil Melayu menggunakan antara 75-85 peratus pendapatannya untuk bahan makanan, yang menggambarkan mereka ketinggalan dari segi ekonomi. Kebanyakan warga tua di kawasan kajian adalah miskin dan tidak mempunyai pendapatan yang mencukupi, dan dengan itu sebahagian besar pendapatan yang ada terpaksa digunakan untuk membeli bahan-bahan makanan.

Pemilikan isirumah

Pemilikan isirumah meliputi apa yang dimiliki warga tua. Di antara pemilikan isirumah yang mempunyai peratusan yang besar ialah dapur gas (86.4 peratus), televisyen (75.7 peratus), radio (71.5 peratus), kerusi set (70.6 peratus), kipas angin (65.4 peratus), tanah (50.9 peratus) dan peti ais, 48.6 peratus, dan juga barang-barang kemas, 39.3 peratus (Jadual 12).

Jadual 12
Taburan Warga Tua Mengikut Pemilikan Isirumah dan Mukim

Pemilikan	Pengkln	G.Chp	W.Bnt	T.Adm	A.Psir	Bndr	Jumlah	Peratus
Kereta	9	6	2	1	3	10	31	14.5
Motosikal	10	10	13	5	12	19	69	32.2
Peti Ais	37	9	16	4	9	29	104	48.6
Mesin Cuci	30	5	6	1	6	22	70	32.7
Telefon	27	11	5	2	5	21	71	33.2
Televisyen	55	22	21	7	15	42	162	75.7
Video	8	1	2	-	-	2	12	6.1
Radio	44	20	19	12	18	40	153	71.5
Penyebut debu	6	-	-	-	-	8	14	6.5
Dapur gas	54	26	26	13	21	45	185	86.4
Kerusi set	48	18	23	9	18	35	151	70.6
Kipas angin	41	16	18	9	17	39	140	65.4
Barang kemas	29	7	11	2	9	26	84	39.3
Tanah	14	8	24	9	20	24	109	50.9
Tanah disewakan	4	1	1	-	1	11	18	8.4

Apa yang dapat dirumuskan daripada pola pemilikan ini ialah sebahagian besar warga tua memiliki barang-barang bukan mewah yang hanya dianggap barangan keperluan hidup. Berdasarkan kepada petunjuk ini, jumlah warga tua yang tidak ketinggalan dari segi ekonomi di kawasan kajian, walaupun ada, adalah tidak begitu ramai. Ini kerana mereka yang memiliki barang-barang berharga seperti kereta, tanah ataupun barang-barang kemas adalah tidak ramai. Warga tua yang memiliki kereta umpamanya, ialah 14.5 peratus. Peratusan ini lebih rendah daripada purata Semenanjung Malaysia (1991) yang berjumlah 18.0 peratus. Warga tua yang memiliki kereta adalah pesara dan juga yang berkerja sebagai peniaga. Golongan ini di kawasan kajian tidak ramai. Mereka ini adalah orang kaya di kawasan kajian.

Jenis dan saiz rumah

Dari segi material yang digunakan, lebih separuh warga tua memiliki rumah jenis papan (71.5 peratus). Selebihnya material bercampur, iaitu rumah simen dan papan (24.8 peratus), serta rumah batu (3.7 peratus). Dari segi mukim, Tok Adam mempunyai warga tua yang menduduki rumah papan paling ramai (95.0 peratus), diikuti oleh Alor Pasir (84.0 peratus) dan Gong Chapa (81.3 peratus). Wakaf Bunut dan Pengkalan, pula mempunyai warga tua yang menduduki rumah papan sebanyak 79.3 dan 71.2 peratus (Jadual 13).

Jadual 13
Taburan Responden Mengikut Ciri-Ciri Rumah dan Mukim

Ciri-ciri	Pengkalan	G.Chapa	W.Bunut	A.Pasir	T.Adam	Bandar	Peratus
Jenis Rumah							
Rumah papan	71.2	81.3	79.3	84.0	95.0	44.9	71.5
Simen + papan	20.3	18.7	20.7	16.0	5.0	49.0	24.8
Rumah batu	8.5	-	-	-	-	6.1	3.7
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0
Saiz Rumah							
Kecil	13.6	40.6	6.9	16.0	35.0	10.2	71.5
Sederhana	81.4	59.4	93.1	72.0	65.0	83.1	24.8
Besar	5.0	-	-	12.0	-	6.1	3.7
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0

Mukim Bandar merupakan mukim yang mempunyai peratus terkecil rumah papan (44.9 peratus), sebaliknya, merupakan mukim yang mempunyai rumah simen dan papan (material bercampur) yang paling besar. Mukim Tok Adam, adalah mukim yang mempunyai peratus terbesar rumah jenis rumah papan, serta rumah simen dan papan yang paling kecil (5.0 peratus). Rumah batu tidak banyak dimiliki di mukim lain selain Pengkalan dan Bandar.

Dari segi saiz rumah pula, lebih daripada separuh warga tua memiliki rumah kecil (71.5 peratus). Saiz rumah adalah dikira berdasarkan penilaian pembanci mengenai ukuran, dan jumlah bilik tidur yang terdapat di dalamnya. Berdasarkan jumlah bilik, rumah kecil adalah rumah tanpa bilik, atau mempunyai hanya satu bilik. Rumah sederhana pula ialah rumah yang memiliki dua bilik, sementara rumah besar ialah rumah tiga bilik atau lebih. Mukim Gong Chapa dan Mukim Tok Adam merupakan dua buah mukim yang mempunyai rumah yang bersaiz kecil paling banyak. Empat mukim lain semuanya mempunyai rumah saiz kecil yang sedikit.

Ditinjau dari rumah yang bersaiz sederhana pula, Mukim Bunut adalah mukim yang mempunyai rumah bersaiz sederhana yang paling banyak (93.1 peratus), diikuti oleh Mukim Bandar (83.7 peratus), Pengkalan (81.4 peratus), Alor Pasir (72.0 peratus) dan Tok Adam (65.0 peratus). Mukim Gong Chapa merupakan mukim yang mempunyai rumah saiz sederhana yang paling sedikit. Tidak ramai warga tua di mukim ini yang tinggal dalam rumah yang sederhana. Rumah bersaiz besar tidak banyak dimiliki oleh warga tua, dan ia hanya dimiliki oleh sebahagian kecil warga tua di Mukim Alor Pasir, Mukim Bandar dan Pengkalan.

PENGATURAN TEMPAT KEDIAMAN

Makalah ini menghujahkan bahawa dengan proses pembandaran yang terjadi maka struktur keanggotaan keluarga mengalami perubahan dan ramai warga tua tinggal bersendirian (Parson, 1949; Goode, 1964; Ogburn, 1968; Linton, 1971; Masitah Mohd. Yatim & Nazileh Ramli, 1988; Yaaacob Harun, 1992; Fatimah Abdullah, 2000). Gambaran struktur keluarga dan pengaturan tempat kediaman warga tua dapat diuraikan melalui beberapa indikator. Makalah ini menggunakan

status perkahwinan, jumlah anak, jumlah isi rumah dan keanggotaan keluarga sebagai indikator pengaturan tempat kediaman warga tua. Oleh itu bahagian ini menganalisis empat aspek ini, iaitu status perkahwinan, jumlah anak, saiz isirumah dan keanggotaan keluarga warga tua.

Pengkaji-pengkaji di atas mengakui proses pembandaran, khususnya perindustrian telah mengubah struktur keluarga daripada bentuk keluarga yang bersaiz besar kepada keluarga konjugat nuklear yang bersaiz kecil. Dalam konteks Malaysia, disebabkan pembandaran yang pesat berlaku juga, ramai anak-anak usia produktif di kawasan luar bandar berhijrah ke kawasan bandar mencari pekerjaan di sektor industri, menjadikan warga tua di kawasan luar bandar tertinggal sendirian.

Status perkahwinan

Daripada 214 orang responden, terdapat tiga orang (1.4 peratus) yang tidak pernah berkahwin, 143 orang (66.8 peratus) berkahwin, empat (1.9 peratus) bercerai, dan 64 (29.9 peratus) kematian pasangan (Jadual 14). Terdapat dua warga tua lelaki bujang berbanding satu wanita. Jumlah responden lelaki berkahwin melebihi wanita, iaitu 112 lelaki (85.5 peratus), berbanding 31 wanita (37.3 peratus). Dari segi kematian pasangan (balu/duda), responden wanita jauh lebih ramai, iaitu 49 orang (59 peratus) berbanding 15 lelaki (11.5 peratus). Ini menunjukkan sebahagian besar warga tua lelaki berstatus kahwin, sedangkan warga tua wanita berstatus balu. Jumlah warga tua wanita berstatus balu jauh melebihi lelaki, iaitu 59.0 peratus berbanding dengan hanya 11.5 peratus warga tua lelaki.

Jadual 14
Taburan Responden Mengikut Status Perkahwinan dan Jantina

Status	Lelaki		Wanita		Jumlah	Peratus
	Jumlah	Peratus	Jumlah	Peratus		
Bujang	2	1.5	1	1.3	3	1.4
Berkahwin	112	85.5	31	37.3	143	66.8
Bercerai	2	1.5	2	2.4	4	1.9
Balu/Duda	15	11.5	49	59.0	64	29.9
Jumlah	131	100.0	83	100.0	214	100.0

Besarnya jumlah warga tua lelaki berstatus kahwin dan besarnya jumlah warga tua wanita berstatus balu di Daerah Limbongan adalah berkait rapat dengan kecenderungan warga tua lelaki untuk berkahwin lagi apabila kematian pasangan. Kebiasaannya warga tua di kawasan kajian berkahwin semula apabila kematian pasangan. Sehingga hari ini amalan budaya orang Melayu di Limbongan, sama seperti budaya orang Melayu di tempat-tempat lain di Malaysia di mana orang lelaki, walaupun sudah berumur lanjut, boleh diterima untuk menjadi suami kepada wanita muda. Sebab itu warga tua di kawasan kajian biasanya berkahwin semula jika bercerai atau kematian isteri.

Warga tua lelaki boleh berkahwin semula walaupun sudah mencapai umur lanjut. Fenomena ini fenomena sejagat yang juga berlaku di mana-mana. Perasaan ingin disayangi dan didampingi oleh pasangan berlainan jenis, baik warga tua lelaki mahupun wanita, tidak luntur biarpun mencapai umur lanjut. Lagipun orang lelaki juga tidak mampu menguruskan makan minum sendiri. Untuk menguruskan makan minum dan untuk menjadikan rumah tangga lebih terjaga, warga tua lelaki di Limbongan yang bercerai atau kematian pasangan, mencari ganti isteri mereka. Berbeza dengan warga tua perempuan, yang boleh hidup tanpa pasangan. Mereka boleh terus hidup sebagai balu jika berlaku kematian pasangan kerana mereka boleh menguruskan sendiri keperluan dan rumah tangga, lebih-lebih lagi balu tua agak sukar berkahwin semula kerana orang lelaki mencari wanita muda untuk berkahwin.

Besarnya jumlah balu di kawasan kajian juga berkaitan dengan kebiasaan orang lelaki Melayu di Limbongan, yang berkahwin dengan orang perempuan yang jauh lebih muda daripada usia mereka. Orang perempuan di kawasan kajian, kebanyakannya sudah berkahwin semasa umur yang masih

muda, bahkan ramai yang telah berkahwin semasa umur di bawah 20 tahun. Tetapi kebiasaan orang lelaki di kawasan kajian ialah berkahwin pada umur pertengahan 20-an. Keadaan ini menyebabkan terdapatnya jurang perbezaan umur antara suami dan isteri yang ketara, dan apabila mencapai umur tua, suami akan meninggal lebih dahulu. Keadaan inilah menyebabkan balu melebihi duda di kawasan kajian (Jadual 15).

Jadual 15
Taburan Responden Mengikut Kekerapan Perkahwinan dan Jantina

Kekerapan	Lelaki		Wanita		Jumlah	Peratus
	Jumlah	Peratus	Jumlah	Peratus		
1	104	80.6	64	78.0	168	79.6
2	16	12.4	10	12.2	26	12.3
3	4	3.1	5	6.1	9	4.3
4	2	1.6	2	2.4	4	1.9
5 dan lebih	3	2.3	1	1.3	4	1.9
Jumlah	129	100.0	82	100.0	211	100.0

Dari segi kekerapan perkahwinan, didapati 168 orang (79.6 peratus) yang berkahwin sekali. Dalam kategori berkahwin sekali termasuk juga warga tua yang, pada masa kajian dijalankan, berstatus cerai, atau kematian pasangan, tetapi tidak atau belum berkahwin untuk kali kedua. Kekerapan perkahwinan lain yang agak besar ialah perkahwinan dua kali (12.3 peratus). Terdapat juga warga tua berkahwin tiga atau empat kali, tetapi jumlahnya kecil (Jadual 15). Mengikut maklumat daripada seorang informan didapati tidak ramai warga tua di Daerah Limbongan yang berkahwin melebihi dua kali. Cuma terdapat kes di mana seorang warga tua bekerja sebagai juru ukur mempunyai rekod perkahwinan tertinggi, melebihi 15 kali, dan mempunyai anak melebihi 40 orang.

Jumlah anak

Berdasarkan jumlah anak pula, 208 orang (97.2 peratus) warga tua mempunyai anak, dan 6 orang (2.8 peratus) tidak mempunyai anak (Jadual 16). Warga tua di Limbongan memiliki anak yang ramai. Warga tua yang memiliki anak 1-4 orang 43.0 peratus. Sebanyak 44.9 peratus memiliki 5-8 orang. Selebihnya memiliki anak seramai sembilan orang dan lebih. Warga tua yang ditemui mengharapkan anak yang ramai kerana anak boleh memberi pertolongan apabila keadaan memerlukan.

Jadual 16
Taburan Responden Mengikut Jumlah Anak dan Mukim

Jumlah	Pengkalan	G.Chapa	W.Bunut	A.Pasir	T.Adam	Bandar	Peratus
0	3.4	3.1	3.4	-	5.0	2.0	2.8
1 – 2	13.6	28.1	31.0	20.0	20.0	8.2	18.2
3 – 4	16.9	31.3	24.2	32.0	40.0	20.4	24.8
5 – 6	28.8	25.0	24.0	32.0	10.0	36.7	27.6
7 – 8	27.1	9.4	10.3	8.0	15.0	20.4	17.3
9 – 10	5.1	3.1	6.9	4.0	10.0	10.2	6.5
10 dan lebih	5.1	-	-	4.0	-	4.1	2.8
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0

Dari segi jumlah isirumah, sebanyak 34.6 peratus warga tua tinggal seorang diri atau bersama pasangan, dan isirumah seperti ini menjadi mod. Terdapat juga isirumah seramai 3-4 orang (27.1 peratus), di samping 5-6 orang (19.6 peratus), 7-8 orang (11.7 peratus), 9-10 orang (3.7 peratus), dan melebihi 10 (3.3 peratus) (Jadual 17).

Tidak ramainya warga tua yang memiliki isirumah yang besar berkaitan dengan hampir keseluruhan anak-anak telah membentuk keluarga mereka sendiri dan meninggalkan keluarga asalnya. Di peringkat kampung, bentuk keluarga luas juga semakin berkurang disebabkan proses pembandaran yang menjadikan anak-anak terpaksa tinggal berasingan daripada ibu bapa untuk bekerja bersendirian.

Jadual 17
Taburan Responden Mengikut Jumlah Isirumah dan Mukim

Isirumah	Pengkalan	G.Chapa	W.Bunut	A.Pasir	T.Adam	Bandar	Peratus
1 – 2	32.2	46.9	27.6	48.0	40.0	24.5	34.6
3 – 4	28.8	9.4	27.6	28.0	20.0	38.8	27.1
5 – 6	18.6	31.4	20.7	12.0	10.0	20.4	19.6
7 – 8	10.2	12.5	17.2	8.0	15.0	10.2	11.7
9 – 10	5.1	-	-	-	10.0	6.1	3.7
11 dan lebih	5.1	-	6.9	4.0	5.0	-	3.3
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0

Keanggotaan isirumah

Keanggotaan keluarga terdiri daripada cucu dan juga ahli keluarga lain, bukannya anak-anak warga tua itu sendiri sahaja. Isirumah warga tua terdiri daripada warga tua itu sendiri, atau pasangannya serta anak-anaknya, yang oleh sebab tertentu, tidak dapat meninggalkan keluarga asalnya, ataupun tidak mampu membentuk keluarganya sendiri, atau, terpaksa balik semula ke keluarga asalnya. Anak yang mampu berdikari meninggalkan rumah dan membentuk keluarga sendiri (Jadual 18).

Jadual 18
Taburan Responden Mengikut Jenis Keanggotaan Isirumah

Keanggotaan Isirumah	Jumlah	Peratus
Keluarga Asas	106	49.5
Sendirian	19	8.9
Resp. + Pasangan	45	21.06
Resp. + Anak Bujang	6	2.8
Resp. + Pasangan + Anak Bujang	16	16.8
Keluarga Luas	108	50.5
Resp. + Cucu Bujang	11	5.1
Resp. + Ibu bapa	1	0.5
Resp. + Anak Saudara	2	0.9
Resp. + Anak Bujang + Anak Kahwin	28	13.1
Resp. + Anak Bujang + Cucu Bujang	2	0.9
Resp. + Pasangan + Anak Berkahwin	21	9.8
Resp. + Pasangan + Cucu Bujang	9	4.2
Resp. + Pasangan + Anak Bujang+Ibubapa	7	3.3
Resp. + Pasangan + Anak Bujang+A/beradik	1	0.5
Resp.+Pasangan+Anak Bujang+Anak Saudara	1	0.5
Resp.+Pasangan+Anak Bujang+Anak Kahwin	20	9.3
Resp.+Pasangan+Cucu Bujang+Ibu bapa	1	0.5
Resp.+Pasangan+Cucu Bujang+Anak Saudara	4	1.9
Jumlah Keanggotaan Isirumah	214	100.0

Nota: Resp. = Responden

Temu bual tidak berstruktur dengan beberapa orang warga tua mendapati anak dewasa yang berkahwin, walaupun tidak tinggal di luar kampung, umumnya lebih suka tinggal berasingan, sama ada menyewa rumah, ataupun mendirikan rumahnya sendiri. Tradisi keluarga luas kelihatan

semakin terhakis. Akan tetapi ada satu ikatan yang secara longgar boleh mengikat generasi muda di kawasan kajian untuk terus tinggal bersama warga tua, membentuk keluarga luas untuk sementara waktu. Beberapa orang anak dewasa yang berkahwin yang tinggal serumah dengan warga tua dan bekerja di sekitar kampung, menyatakan mereka tidak sampai hati melihat ibu bapa yang sudah tua tinggal bersendirian menyebabkan mereka memilih untuk terus tinggal bersama warga tua.

Ada sebahagian yang lain memilih mendirikan rumah berhampiran, atau dalam jarak yang tidak begitu jauh dengan rumah ibu bapa mereka. Jadi walaupun warga tua mereka tidak tinggal bersama, mereka ini masih boleh mendapat khidmat penjagaan daripada anak-anak yang berdekatan ini. Warga tua itu sendiri pula ramai yang kurang berminat untuk tinggal bersama dengan anak menantu dalam satu rumah. Ramai warga tua yang ditemui lebih suka tinggal sendirian, atau tinggal bersama anak yang belum berkahwin atau bersama cucu.

Berdasarkan kepada keanggotaan keluarga, warga tua yang tinggal dalam keluarga luas melebihi warga tua yang tinggal dalam keluarga asas, iaitu 50.5 peratus berbanding 49.5 peratus. Terdapat 17 kombinasi keanggotaan keluarga di kawasan kajian, iaitu empat kombinasi keluarga asas, dan 13 kombinasi keluarga luas. Daripada kombinasi keluarga asas, warga tua yang tinggal bersama pasangan (21.0 peratus) merupakan kombinasi tertinggi, diikuti warga tua yang tinggal bersama pasangan dan anak bujang (16.8 peratus), responden bersendirian (8.9 peratus), dan responden yang tinggal bersama anak bujang sahaja (2.8 peratus). Bagi kombinasi keluarga luas dikesan wujudnya 13 kombinasi isirumah.

Kombinasi paling tinggi ialah tinggal bersama anak bujang serta anak berkahwin (13.1 peratus). Terdapat warga tua tinggal bersama pasangan dan anak berkahwin (9.8 peratus) serta warga tua yang tinggal bersama pasangan, anak bujang dan anak berkahwin (9.5 peratus). Daripada 17 kombinasi keanggotaan isirumah keseluruhan yang dikesan, terdapat tiga kombinasi yang menonjol, iaitu responden tinggal bersama pasangan sahaja (21.0 peratus), responden tinggal bersama pasangan dan anak bujang (16.8 peratus) serta responden tinggal dengan anak bujang dan anak yang sudah berkahwin dan mempunyai anak-anak (13.1 peratus).

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya makalah ini menghuraikan ciri profil sosio demografi dan ekonomi serta pengaturan tempat kediaman warga tua di daerah Limbongan, Pasir Putih, Kelantan. Warga tua ini sebahagian besar masih berstatus berkahwin. Warga tua yang kematian pasangan dan bercerai tidak ramai. Hampir keseluruhan mereka mempunyai anak, dan kebanyakannya memiliki anak yang ramai. Warga tua yang ditemui mengharapkan adanya anak yang ramai kerana anak ini dapat memberikan pertolongan apabila mereka berada dalam keadaan yang memerlukan. Disebabkan kebanyakan mereka mempunyai tahap pendidikan yang rendah, malah ramai yang tidak bersekolah, menjadikan kebanyakan mereka hanya bekerja di sektor pertanian.

Besarnya jumlah warga tua yang menceburi bidang pertanian, selain berkait rapat dengan tahap pendidikan yang rendah, juga berkaitan dengan peluang pekerjaan di luar pertanian yang terhad. Di mukim yang mengalami proses pembandaran yang lebih pesat, terdapat banyak peluang pekerjaan di luar sektor pertanian yang boleh diceburi. Mukim Bandar, sebagai mukim yang terletak di pusat bandar yang juga merupakan pusat pentadbiran bagi daerah ini mempunyai ramai warga tua yang bekerja. Mukim lain yang mempunyai warga tua bekerja yang agak ramai ialah Mukim Pengkalan dan Wakaf Bunut. Semua mukim ini adalah mukim yang terletak di pinggir bandar yang juga mengalami proses pembandaran yang pesat yang boleh menawarkan peluang pekerjaan yang lebih pelbagai. Mereka boleh berulang alik ke mukim bandar untuk bekerja apa sahaja pekerjaan di bandar. Warga tua di mukim ini ada yang terlibat dalam perniagaan dan menjadi buruh berbayar.

Ekoran daripada proses pembandaran telah berlaku perubahan ke atas struktur keluarga yang menjadikan semakin ramai warga tua di kawasan kajian yang tidak lagi tinggal bersama anak-anak. Walaupun mereka ini mempunyai anak yang ramai, tetapi anak-anak ini ramai yang berhijrah ke bandar-bandar meninggalkan warga tua sendirian di kampung. Keadaan ini boleh meninggalkan implikasi ke atas sumber sokongan dan penjagaan warga tua, yang nantinya boleh pula mempengaruhi kesejahteraan dan jaminan hidup warga tua itu sendiri di kemudian hari.

RUJUKAN

- Asmah Ahmad. (1983). The nature of poverty in Peninsular Malaysia: A study of Baling district in the state of Kedah. Disertasi Ph.D: University of Birmingham.
- Downie, N. M., & Starry, A. R. (1977). *Descriptive and inferential statistics*. New York: Harper & Row.
- Fatimah Abdullah. (2000). Keluarga luas kepada keluarga nuklear: Perubahan struktur keluarga Melayu, dlm. Abdul Rahman Embong (pnyt.). *Negara, pasaran dan pemodenan Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM
- Goode, W. J. (1964). *The family*. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice Hall.
- Heisil, M.A. (1984). Ageing in the developing world. *Population Studies* 11(2): 37-51.
- Inoguchi, Newman & Paoletto. 1999. Introduction: Cities and the environment towards eco-partnership, dlm. Inoguchi. T, Newman. E & Paoletto. G. (pnyt.). *Cities and the environment*. Tokyo: United Nations University Press.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (1973). *Banci penduduk dan perumahan Malaysia 1970. Laporan am, Jilid 2*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (1974). *Unjuran penduduk Malaysia 1970-1990*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (1983). *Banci penduduk dan perumahan Malaysia 1970. Laporan am banci penduduk 1980*, Jilid 1. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (1995). *Banci penduduk dan perumahan Malaysia 1990. Laporan am banci penduduk 1991, Jilid 1*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- Jariah, M., AH. Sharifah & H. Tengku Aizan. (2006). Perceived income adequacy and health status among older persons in Malaysia. *Asia-Pacific Journal of Public Health*, 18: 2-8.
- Jean Pala. (1998). *Warga tua dan penuaan penduduk di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jean Pala. (2005). *Aliran penuaan penduduk di Malaysia*. Siri Monograf No. I. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Linton, R. (1971). The family in urban industrial America, dlm. M. Anderson (pnyt.). *Sociology of the family*. Harmondsworth: Penguin Books.
- Masitah Mohd. Yatim & Nazileh Ramli. (1988). *Socio economic consequences of the ageing of population survey 1986: Malaysia country report*. Kuala Lumpur: Lembaga Penduduk dan Pembangunan Negara.
- Ng. ST., & NP. Tey. (2006). Retirement and perceived health status of the urban elderly. *Asia-Pacific Journal of Public Health*, 18: 9-13.
- Ogburn, W. F. (1968). Why the family is changing, dlm. W. F. Ogburn (pnyt.). *On culture and social change*. Chicago: University of Chicago Press.
- Parson, T. (1949). The social structure of the family, dlm. R. N. Anshen (pnyt.). *The family: Its function and destiny*. New York: Harper and Row.
- Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. (1988). *World population prospects: Estimates and projections as assessed in 1982*. New York: Department of International Economics and Social Affairs.
- Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. (1991). *Sex and age distributions of population*. New York: Department of International Economics and Social Affairs.
- Rohana Yusof. (2004). *Penyelidikan sains sosial*. Bukit Tinggi: PTS Publications

- Sharifah Azizah, H., Y. Nurizan, P. Laily, H. Tengku Aizan, Z. Zumilah, R Ma'rof, SAR Sharifah Norazizan & AS Asnarulkhadi. (2006). Living arrangements of older persons on welfare: implikation on health, economic well-being and life satisfaction. *Asia-Pacific Journal of Public Health*, 18: 26-34.
- Wan Ibrahim Wan Ahmad, Zainab Ismail & Che Yusoff Che Mamat. (2003). Penjagaan warga tua dalam budaya Melayu di Malaysia: Kes Masyarakat desa di Kelantan, *The Malaysian Journal of Social Administration* 2: 81-103.
- Wan Ibrahim Wan Ahmad. (2006). Fenomena ibu tunggal dan masa depan warga tua desa di Malaysia. *Jurnal Pembangunan Sosial* 9: 85-108.
- Wan Ibrahim Wan Ahmad. (2007). Perubahan demografi dan kajian mengenai warga tua di Malaysia: Sumbangan sarjana tempatan. *Jurnal Pembangunan Sosial* 10: 23-50.
- Wan Ibrahim Wan Ahmad, Norruzeyati Mohd Nasir & Zainab Ismail. (2008). Gaya hidup warga tua pesisir daerah Kuala Terengganu. *Jurnal Pembangunan Sosial* 11: 45-68.
- Wan Ibrahim Wan Ahmad, Ma'arof Redzuan, Zahid Emby & Abdul Halin Hamid (2009). Kesejahteraan subjektif warga tua di Malaysia: Kes masyarakat desa di Kelantan. *International Journal of Management Studies* Vol. 16, No. 2 (Disember): 63 - 96.
- Yaaacob Harun. (1992). *Keluarga Melayu bandar: Satu analisis perubahan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.